

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. PROFESOR Ts. Dr. MASSILA BINTI KAMALRUDIN**  
**NAIB CANSELOR UTeM**



**HARI TERBUKA UTEM 2022**  
اونیورسیتی تکنیکال ملaysia ملاک

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**22 JUN 2022, 9.00 PAGI,**

**PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH**

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis,

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Yang Berbahagia Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin**

**Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti


Dekan-Dekan Fakulti

Majlis Perwakilan Pelajar

Tuan-tuan dan Puan-puan

serta semua pelajar yang dikasihi sekalian.

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera  
Salam Keluarga UTeM*



جامعة تكنولوجيا ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PENDAHULUAN

1. Alhamdullillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat Allah Subbahanahu Wata'ala, di atas segala rahmat dan kurniaan dariNya, kita dapat berhimpun dan bertemu pagi ini di dalam **Majlis Perasmian Penutup Hari Terbuka UTeM 2022**.
2. Terlebih dahulu di kesempatan ini, saya mewakili UTeM ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada anak-anak dan ibu bapa di atas kecemerlangan keputusan SPM yang baru diumumkan pada 16 Jun yang lepas. Namun harus diingat, keputusan yang diperoleh hanyalah permulaan bagi satu perjuangan besar yang bakal dihadapi oleh pelajar-pelajar lepasan SPM ini.

## **MINGGU TVET NEGARA**

**Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Profesor, hadirin dan hadirat sekalian,**

3. Minggu TVET Negara 2022 sedang berlangsung pada 18 hingga 24 Jun 2022 bertempat di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Untuk makluman semua, TVET iaitu Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional adalah proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri.
4. Justeru itu bagi menyemarakkan sambutan Minggu TVET Negara ini, Hari Terbuka UTeM 2022 telah diadakan selama tiga (3) hari bermula pada 20 Jun iaitu pada hari Isnin hingga 22 Jun iaitu hari ini.

5. Hari Terbuka UTeM ini telah menyediakan pelbagai aktiviti dalam memperkenalkan program akademik UTeM kepada masyarakat. Melalui penganjuran Hari Terbuka ini, anda akan dapat mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan dengan UTeM terutama kursus-kursus yang ditawarkan.
  
6. Saya dimaklumkan antara pengunjung yang hadir ke Hari Terbuka UTeM ini adalah pelajar-pelajar dan wakil daripada Politeknik, Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Kolej Vokasional, Kolej Matrikulasi dan sekolah-sekolah sekitar negeri Melaka serta ibu bapa bersama anak lepasan SPM. Semoga dengan penganjuran program ini anda akan dapat lebih mengenali UTeM.

## **Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

7. UTeM adalah universiti di Melaka dan pastinya sangat mengalu-alukan anak-anak negeri Melaka sebagai sebahagian daripada keluarga UTeM. Oleh itu, melalui Hari Terbuka UTeM 2022 ini, UTeM ingin membantu merealisasikan impian ibu bapa dan anak-anak untuk melangkah kaki ke menara gading.
8. Objektif Hari Terbuka UTeM ini adalah sebagai salah satu platform bagi merapatkan hubungan UTeM dengan masyarakat dengan memberi peluang kepada pengunjung untuk melihat sendiri kampus yang tersergam indah ini.
9. Antara aktiviti yang disediakan adalah pameran dan pertunjukan inovasi, informasi berkenaan program akademik yang

ditawarkan, taklimat kerjaya dan sesi konsultasi, semakan syarat kelayakan dan semakan UPU.

10. Untuk makluman para hadirin, sistem UPU online telah dibuka semula bagi membolehkan pelajar-pelajar lepasan SPM membuat permohonan baru dan pengemaskinian permohonan kemasukan ke universiti pilihan mulai 1 hingga 28 Jun. Jadi diharapkan setelah menghadiri Hari Terbuka UTeM ini, akan lebih ramai lagi yang menjadikan UTeM sebagai pilihan utama untuk melanjutkan pelajaran di dalam permohonan UPU online.

11. Selain daripada penganjuran promosi di dalam UTeM, orang ramai boleh mengenali dan mendapatkan maklumat berkenaan UTeM melalui program Jom Masuk IPT Fasa 2 yang telah bermula daripada 4 Jun sehingga 25 Jun 2022.
12. Pasukan promosi UTeM dan fakulti turut rancak mempromosikan UTeM di sekitar Melaka serta sekolah-sekolah di negeri berhampiran.

**Hadirin dan Hadirat Sekalian,**

13. Diharapkan dengan penganjuran Hari Terbuka UTeM 2022 ini akan dapat memperkenalkan UTeM ke masyarakat terutamanya anak Melaka dan seterusnya menjadi pilihan **PERTAMA** mereka.

Kalau tuan pergi ke pekan,  
Petikkan saya si bunga melati;  
Kecil tapak tangan nyiru kami tadahkan,  
Kehadiran anda sentiasa dinanti.

14. Akhir kata saya mengucapkan tahniah kepada penganjur Hari Terbuka UTeM 2022 dan terima kasih kepada semua pengunjung.

Sekian

*Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Wrt. Wbth.  
Terima kasih.*